

13/11/1997

Imej rendahkan wanita perlu diubah

Rosmin Darus

IMEJ negatif yang merendahkan wanita secara berterusan dalam media cetak dan elektronik perlu diubah bagi meningkatkan semangat dan keyakinan wanita menyediakan diri menempuh cabaran alaf baru.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata media cetak dan elektronik di kebanyakan negara tidak memaparkan keseimbangan imej wanita menyumbang kepada masyarakat dalam dunia yang semakin berubah.

Katanya, aliran dunia yang memberi tumpuan kepada wanita sebagai pengguna mewujudkan suasana iklan dan mesej komersil kurang tepat.

Menurutnya, kajian turut menunjukkan filem Malaysia kerap memaparkan wanita sebagai lemah, lembap, cerewet, sukar mengawal emosi, tidak bermoral dan mengejar lelaki. Wanita juga secara langsung atau tidak, disalahkan apabila sesuatu perbuatan tidak bermoral dilakukan lelaki.

"Jika paparan seperti itu berterusan, kesan jangka panjang akan merosakkan. Penonton juga akan beranggapan wanita ini lemah dan sehubungan itu, tidak wajar membabitkan golongan itu dalam pembangunan negara," katanya dalam ucapan dasar di Seminar Antarabangsa Wanita Dalam Media: Cabaran-Cabaran dan Peluang-Peluang Kepada Asia Dalam Milenium Akan Datang, semalam.

Seminar tiga hari anjuran bersama Unesco-Suruhanjaya Kebangsaan Unesco Malaysia, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia dihadiri lebih 100 peserta dalam dan luar negara.

Sebanyak tujuh kertas kerja dibentangkan oleh penceramah dalam dan luar negara di seminar yang bertujuan membincangkan isu hubungkait wanita dalam media, khususnya menggubal program dan tindakan berasaskan strategi Pelan Tindakan Beijing.

Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh; wakil Unesco di Malaysia dan Penasihat Komunikasi Asia, James Bentley serta Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Dr Siti Hasmah juga menggesa pertubuhan media dan institut komunikasi menyediakan latihan kepekaan gender untuk kakitangan media serta menggalakkan mereka mengikis anggapan stereotaip mengenai imej wanita dalam media.

Katanya, media juga wajar ditegah daripada mengeksploitasikan wanita sebagai objek seks serta komoditi, sebaliknya memberi tumpuan kepada isu wanita sebagai manusia kreatif yang menyumbang kepada proses pembangunan.

"Satu caranya ialah dengan menyediakan model contoh terutama kepada wanita muda atau mempromosikan kempen keseimbangan gender dalam keluarga," katanya.

Beliau juga berkata, wanita perlu diberi lebih kuasa untuk mempertingkatkan skil, pengetahuan dan peluang teknologi maklumat bagi mengukuhkan keupayaan memerangi paparan negatif dalam industri berkenaan.

Untuk mencapai itu, katanya, wanita perlu disokong untuk mendapatkan peluang pendidikan, latihan dan kedudukan sama rata dalam semua bidang dan tahap industri media, termasuk pengurusan dan penyelidikan.

Menurutnya, walaupun, jumlah wanita meningkat di sektor komunikasi, hanya segelintir yang berpeluang menduduki tahap pembuat keputusan.

"Hanya 10 hingga 30 peratus peringkat pembuat keputusan dipegang wanita di kebanyakan negara di dunia ini. Di Malaysia hanya 10 hingga 35 peratus wanita menduduki jawatan itu," katanya.

Dr Siti Hasmah juga berkata, wartawan lelaki masih diberi keutamaan untuk membuat liputan acara serius, termasuk menjalani tugas membabitkan pemimpin Malaysia di luar negara.

(END)